

**Teks ucapan**  
**Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM**  
**Sempena Majlis Jamuan Berbuka Puasa Batalion 1 Askar Wataniah Di**  
**Dewan Kapitol Pada 9 Oktober 2006**

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Yang Berbahagia Dato' Alim Jaya Ahmad bin Jusoh, Rektor Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis dan dan isteri

Yang Berbahagia En. Nor bin Yusof, pengarah Politeknik Syed Sirajuddin dan isteri

Yang Berbahagia Hj Mohamad bin Hj. Ikhsan, Pengarah Maktab Perguruan Perlis dan isteri

Yang Berbahagia En. Ahmad Shukry bin Mohd Suri, Pengarah Institut Kemahiran Mara dan isteri

Yang Berbahagia Lt. Kol. Rusman bin Sanip, Timbalan Komander Rej. 504 Askar Wataniah dan isteri

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan) KUKUM

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi) KUKUM,

Dif-Dif Kehormat, Pegawai-pegawai Utama KUKUM, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, Yang dihormati Batalion 1 Rejimen 504 Askar Wataniah.

Bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T atas limpah kurnia rezeki yang dicurahkan, kasih sayang yang melimpah-ruah, dan mengizini kita semua pada hari ini sekali lagi berhimpun dan bertemu dalam majlis **Berbuka Puasa Batalion 1 Rejimen 504 Askar Wataniah**. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada jawatankuasa kerana usaha gigih dan dedikasi tuan tuan dan puan-puan semua merencana, merancang, menyusun dan seterusnya menzahirkan aktiviti yang dapat mengumpul lima buah instituti pendidikan yang terdapat di negeri Perlis ini iaitu KUKUM, Institut Kemahiran Mara, Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis, Maktab Perguruan Perlis, dan Politeknik Syed Sirajuddin.

Hadirin hadirat sekalian

Alhamdulillah, Askar Wataniah khususnya Batalion 1 di negeri Perlis telah mencapai satu tahap yang membanggakan. Pada hari ini kita dapat meraikan kesemua anggota Batalion 1 iaitu batalion pendidikan. Jarang sekali kita dapat menggabungkan 1 batalion dalam satu negeri di bawah satu bumbung. Penggabungan ini dapat dilihat menerusi latihan yang diadakan pada hujung minggu. Sudah pasti penggabungan latihan sebegini akan mewujudkan perkongsian ilmu pengetahuan dan perkongsian pendapat dapat dilakukan yang akhirnya dapat memantapkan Askar Wataniah itu sendiri. Syabas saya ucapkan.

Askar Wataniah adalah badan sukerela yang berlainan dari badan-badan sukarela yang lain. Askar Wataniah merupakan angkatan simpanan

Tentera Darat Malaysia sebagai benteng kedua di dalam mempertahankan negara kita yang tercinta ini. Saudara-saudari sekalian, tidak ada perkataan rugi jika anda menyertai Askar Wataniah. Pelbagai ilmu yang berkaitan dengan dunia perang atau teknik ketenteraan akan diperolehi. Malahan, penyertaan saudara-saudari di dalam Askar Wataniah dapat membina personaliti iaitu menjadi lebih berdisplin, selain patuh kepada arahan seterusnya menepati masa dan bersedia apabila menerima arahan.

Penyertaan saudara-saudari di dalam Askar Wataniah merupakan satu sumbangan murni di dalam menyahut seruan ibu pertiwi sesuai dengan konsep HANRUH (Pertahanan Menyeluruh) yang ditetapkan di dalam dasar pertahanan negara. HANRUH antaranya menetapkan bantuan nasional termasuk pengemblengan semua sumber negara disamping penglibatan angkatan tentera. Sebagai sebuah negara yang berkembang untuk mencapai matlamat sebuah negara yang maju dengan Wawasan 2020, setiap pihak dan rakyat perlu memainkan peranan di dalam pembangunan dan pertahanan negara dan hendaklah menjadikannya sebagai sebahagian dari aktiviti masyarakat.

Akhir kata saya berharap ke semua anggota Wataniah di bawah naungan Batalion 1 dapat menunjukkan prestasi yang baik di samping belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik. Jangan lalai dalam mengejar ilmu pengetahuan dan jangan jadikan alasan menyertai Askar wataniah hinggakan tiada masa untuk mengulangkaji pelajaran.

Saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua individu yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga sekali lagi diucapkan kepada tetamu-tetamu serta dif-dif kehormat yang lain yang sudi hadir ke majlis ini. Saya sudahi dengan ucapan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Nota pada Dato' Rektor:**

<b>IPT</b>	<b>Bil. Anggota Aktif</b>	<b>Bil. Anggota Tidak Aktif</b>
KUKUM	49 Orang	25 Orang
IKM	33 Orang	53 Orang
MPP	16 Orang	9 Orang
		43 TAMAT PENGAJIAN
IPTIP	18 Orang	13 Orang
POLITEKNIK	53 Orang	17 Orang